

Kedai Ikan Bajet sahut usaha kerajaan

BH 15/7/2022 Ms: 14

Kuala Lumpur: Ikan kembung dijual pada harga RM6.80 hingga RM7.50 sekilogram menerusi inisiatif Kedai Ikan Bajet sebagai menyahut usaha kerajaan untuk mengurangkan beban ekonomi rakyat.

Berbeza dengan harga di pasar, ikan sama dijual pada harga RM18 hingga RM20 sekilogram.

Pengarah Urusan Ikan Bajet, Dr Mohamad Hafizuddin Syafiq Abdul Rashid, berkata menerusi jualan ikan bajet itu, pihaknya dapat meringankan beban rakyat, khususnya golongan B40 yang kini berdepan isu kos sara hidup.

Beliau berkata, Kedai Ikan Bajet di bawah syarikat pengimport hasil laut gred A, Group Five Poultry Farm Sdn Bhd itu juga memfokuskan go-

longan lain seperti peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS), peniaga kilang dan pengusaha kantin.

"Semua pihak terbabit boleh membeli ikan dan hasil laut lain seperti udang, ketam dan sotong pada harga berpatutan sehingga lebih 50 peratus murah berbanding harga yang ditawarkan di pasaran.

"Contohnya, ikan kembung dijual sekitar RM18 hingga RM20 sekilogram, namun di Kedai Ikan Bajet ini mereka boleh beli pada harga RM6.80 hingga 7.50 sekilogram mengikut saiz.

"Antara hasil laut lain ialah cencaru RM5.20 sekilogram, ikan jenahak (RM21.90), ikan selar (RM6.70), ikan merah (RM21.90) dan banyak lagi," katanya ketika ditemui BH di cawangan Kedai Ikan Bajet di

Ampang, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Group Five Holdings, Datuk Abdul Razak Abdul Kadir dan Pengarah Ikan Bajet, Haiqal Iskandar Othman.

Tiga cawangan kedai

Mohamad Hafizuddin berkata, setakat ini terdapat tiga cawangan Kedai Ikan Bajet iaitu di Ampang, Taman Anggerik dan Pandan di Johor Bahru.

"Semua hasil laut dari kilang kita di Tampoi, Johor Bahru akan diedar ke cawangan yang ada dan terus dijual kepada pengguna tanpa membabitkan orang tengah.

"Kami juga menggalakkan orang ramai menjadi ejen jualan ikan bajet dan menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menambah

pendapatan," katanya.

Haiqal berkata, beliau berharap dapat menjadikan Ikan Bajet sebagai syarikat francais di seluruh negara, khususnya di Semenanjung.

"Kami berharap mana-mana agensi kerajaan berkaitan dengan industri ini dapat bekerjasama dengan syarikat ini bagi mengurangkan beban serta membantu masyarakat yang terkesan dengan isu kos sara hidup ketika ini," katanya.

Sementara itu, Abdul Razak berkata, Kedai Ikan Bajet adalah satu-satunya syarikat Bumiputera yang terbabit dalam industri hasil laut berskala besar, di mana pihaknya mengimport ikan dan hasil laut daripada negara-negara pembekal Islam seperti Oman, Yaman, Pakistan, India, Indonesia dan Sabah.